

# Kenyataan bekas presiden MCA kejutkan pemimpin Umno

BH 23 SEP 2000

KUALA LUMPUR, Jumaat - Pemimpin Umno terkejut dengan kenyataan bekas Presiden MCA, Tan Sri Lee San Choon yang mendakwa dirinya dianiyai oleh Umno dalam pilihan raya umum 1982.

Mereka turut kesal dengan tindakan bekas Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat itu mengungkitkan perkara silam dengan niat yang mungkin mahu merenggangkan hubungan antara pemimpin MCA sekarang dengan Umno.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhamad Mhd Taib, berkata dakwaan pemimpin Umno "menikam Lee dari belakang" dalam pilihan raya kawasan Parlimen Seremban sebagai andaian semata-mata.

"Kerjasama Umno-MCA adalah akrab, malah Umno banyak membantu kemenangan calon MCA dari dulu hingga sekarang. Jadi tidak timbul soal Umno menikam dari belakang.

"Saya hairan juga menga-

pa isu ini ditimbulkan sekarang. Jika bekas pemimpin MCA itu tidak puas hati, mengapa ia tidak dibangkitkan ketika itu?," katanya ketika dihubungi *Berita Harian* hari ini.

Lee dalam temu ramah dengan edisi bahasa Cina majalah *Asiaweek* antara lain dipetik sebagai berkata pemimpin Umno menikamnya dari belakang dengan tidak memberi undi orang Melayu di Seremban pada 1982, dengan tanggapan kerana "mereka tidak suka dengan apa yang saya lakukan"

Malah, Lee juga dilaporkan mengaitkan keputusannya meninggalkan Kabinet konon kerana reaksi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada beliau berikutan kegagalan MCA membuat pendirian ketika Dr Mahathir dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri pada 1976. Lee ketika itu adalah Presiden MCA.

Bagaimanapun, Ketua Pe-

muda MCA, Datuk Ong Tee Kiat, ketika dihubungi berkata ia adalah pandangan 'memoir' Lee semata-mata dan pergerakan itu tidak mempunyai kaitan dengan kenyataannya.

"Kami generasi muda (dalam MCA) tidak tahu apa sebenarnya berlaku ketika itu dan sejauh mana kebenaran kenyataan Lee itu," katanya.

Lee gagal dihubungi untuk ulasan lanjut tetapi pembantu pejabatnya memberitahu bahawa beliau ke Singapura hari ini.

Sementara itu, Ketua Pegawai Operasi Akademi Pemuda Umno Malaysia, Dr Zambry Abdul Kadir berkata adalah mustahil bagi orang Melayu tidak menyokong Lee kerana dalam pilihan raya 1982 itu, beliau berjaya menewaskan bekas Pengerusi DAP, Dr Chen Man Hin, dengan majoriti 845 undi.

"Saya ada menyimpan rekod iaitu Lee memperolehi 23,258 undi manaka-

la Dr Chen, 22,413 undi. Lee bukan kalah dan perangkan ini boleh menunjukkan orang Melayu mengundi Lee sebagai calon BN di kawasan yang majoriti pengundi Cina itu.

"Pada saya, kenyataan itu adalah andaiannya semata-mata yang agak terlaluan kerana tidak ada fakta jelas menunjukkan ia benar-benar berlaku. Umno sejak dulu lagi tak pernah menikam rakan dalam BN dari belakang," katanya.

Beliau bimbang Lee mempunyai motif tertentu untuk mengeruhkan hubungan di antara orang Melayu dan bukan Melayu terutama dalam BN dalam usaha menggugat hubungan baik Umno-MCA.

"Jika benar kenyataan Lee itu, kita anggap ia tidak bertanggungjawab dan penuh dengan emosi serta kebencian yang cuba dicituskan dalam hubungan keharmonian yang wujud di antara kaum," katanya yang juga ahli exco Pemuda Umno.